

Cabaran sebagai kaunselor

info

Antara tugas kaunselor di universiti awam (UA):

- Menjalankan sesi kaunseling individu
- Menjalankan sesi kaunseling kelompok
- Melaksanakan kaunseling kerjaya
- Menjalankan kaunseling keluarga
- Mengendalikan ujian personaliti, psikologi dan kerjaya
- Memberikan perkhidmatan ceramah dan berbakti kepada komuniti
- Mengendalikan kursus dan seminar serta menyediakan konsultasi
- Menyimpan semua fail ataupun rekod sesi kaunseling bagi tujuan tindakan susulan dan statistik
- Menjadi perantara sebelum merujuk pelanggan kepada pihak ahli psikiatri (mengikut keperluan)

➔ Perlu persediaan mental, fizikal agar penuhi keperluan psikologi

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

↳ Kuala Lumpur

kesempurnaan sendiri.

Siti Fatimah yang juga Lulusan Sarjana Muda Kaunseling, Universiti Malaya (UM) dan Sarjana Pendidikan Dewasa, Universiti La Trobe, Melbourne, Australia, berkata jika seseorang kaunselor tidak memahami bidang tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan, mereka berkemungkinan berdepan dengan konflik dalam antara sendiri benar dengan sendiri ideal sebagai kaunselor.

"Perlu diingatkan bahawa kaunselor juga seorang manusia biasa yang mempunyai hati dan perasaan. Oleh sebab itu, kaunselor juga tidak terkecuali daripada menghadapi ujian dalam kehidupan dan adalah sangat tidak adil jika kaunselor dianggap tertalu kebal dalam menghadapi ujian hidup," katanya.

Tugas hakiki

Ibu kepada tiga anak itu, berkata sebagai manusia biasa, dugaan dihadapi boleh mengganggu perasaan dan emosi mereka. Kataannya, cuma apa yang membezakan kaunselor dengan



Siti Fatimah (kiri) sentiasa meletakkan sikap positif dalam diri terlebih dahulu sebelum berdepan dengan pelanggan.



Siti Fatimah Abdul Ghani

individu lain adalah kemahiran menyantuni emosi sendiri.

"Dalam hal ini, seorang kaunselor itu bakal menghadapi cabaran untuk kekal bersemangat, positif dan yakin diri walaupun sedang berhadapan dengan masalah.

"Memilih kerjaya sebagai kaunselor bermaksud bukan sahaja menyelesaikan

kan masalah pelanggan, namun pada masa sama menjadi mata-mata untuk diri sendiri.

"Setiap apa yang difikir, ditutur, dirasai dan dilakukan perlulah bersemburan kebaikan. Bunyinya seperti agak sukar, namun itulah tugas hakiki seorang kaunselor," katanya yang mula bertugas sebagai kaunselor UPM sejak 2003.